



UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI

KERATAN AKHBAR

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : FEBRUARI / 10 / 2025

M/S : 24

HSR KL-Singapura berpotensi tingkat ketersambungan darat

Cadangan menghidupkan semula projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura berpotensi meningkatkan ketersambungan darat antara kedua-dua bandar raya itu, yang kini menjadi antara laluan udara paling sibuk di dunia.

Ahli Ekonomi dan Penolong Pengurus Penyelidikan Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi, Doris Liew, berkata projek HSR bukan sahaja mengurangkan masa perjalanan, malah memberi kelebihan besar kepada golongan perniagaan khususnya antara Johor dan Singapura.

"Kita sedia maklum bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) terletak agak jauh dari pusat bandar, mengambil masa sekitar satu jam perjalanan. Sebaliknya, HSR akan membolehkan perjalanan dari pusat bandar Kuala Lumpur ke Singapura disingkatkan kepada hanya 90 minit," katanya kepada BERNAMA.

HSR dijangka merangkumi

tujuh stesen di Malaysia iaitu Bandar Malaysia, Sepang-Putrajaya, Seremban, Melaka, Muar, Batu Pahat dan Iskandar Puteri sebelum tiba di Jurong East, Singapura.

"Ketika ini, Tambak Johor dan pusat pemeriksaan di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) sering mengalami sesak dengan tempoh perjalanan antara Johor Bahru dan Singapura boleh mencecah antara dua hingga enam jam sehala.

"Bagi golongan perniagaan, kehilangan masa akibat kesesakan trafik bukanlah satu pilihan. Oleh itu, HSR mampu menjadi penyelesaian terbaik dalam menjimatkan masa perjalanan," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan School of Accounting & Finance, Taylor's University, Paul Anthony Maria Das, berkata antara manfaat utama projek HSR ialah peningkatan ketersambungan antara Malaysia dan Singapura yang bakal merang-

sang aktiviti perdagangan serta pelaburan serantau.

"Pengurangan masa perjalanan kepada 90 minit akan melancarkan pergerakan individu dan penghantaran barangan antara kedua-dua negara, sekali gus mengukuhkan hubungan ekonomi.

"Selain itu, HSR juga memberi faedah sosial yang signifikan dengan memperkukuhkan integrasi serantau, membolehkan akses lebih baik kepada pendidikan, penjagaan kesihatan dan peluang pekerjaan," katanya.

Dari segi pelaksanaan, penganalisis berpandangan projek itu seharusnya dibangunkan menerusi kerjasama antara kerajaan dan sektor swasta bagi memastikan kelangsungan jangka panjang.

Liew berkata, model perkongsian awam-swasta (PPP) adalah pendekatan terbaik untuk memastikan projek ini berdaya maju serta mampan, berbanding hanya bergantung kepada pelaburan swasta semata-mata. BERNAMA

